

# **ARANG BATU BERAPI DAN BATU HIDUP**

Oleh **Susan Cummings**

*26hb Mac 2007*

*(Diterjemahkan dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia)*

Visi dan pengalaman yang berikutnya datang sementara saya sedang menghabiskan satu kelas Elijah Institut yang saya ambil petang ini lebih kurang 1:30 p.m. Sementara kami sedang menyembah Tuhan di akhir sesi, dan berdoa kepadaNya untuk membersihkan mulut-mulut kami lebih daripada sebelumnya, saya masuk ke dalam satu pengalaman yang mendalam, dan juga sangat diperlukan pada masa ini di seluruh tubuh Kristus.

Tuhan menekankan pada saya juga untuk berkongsi dengan Tubuh, dan saya berdoa yang ia akan menggalakkan kamu untuk menekan lebih jauh ke dalamNya juga.

-Susan

Saya sedang menyembah Tuhan dan berdiri di dalam tingkat bawah tanah di rumah yang saya duduki. Saya sedang memeriksa diri saya dalam doa, dan memintanya untuk membersihkan bibir-bibir saya sekali lagi dan membubuhkan arang batu berapinya pada bibir-bibir saya, dan menyebabkan seluruh hidup saya menyenangkan hatinya. Sambil saya berdiri di sana, ia tiba-tiba mula menjadi sangat berkuasa di dalam bilik kerana kehadiran Tuhan bertambah di sekeliling saya.

Saya nampak saya sendiri berdiri di depan Tuhan Yesus dan ada satu malaikat bersamaNya yang berdiri di tepi satu arang batu berapi yang sangat besar. Saya tahu yang Dia telah datang untuk menjawab doa saya yang baru saja saya doakan untuk mengucapkan FirmanNya dengan bibir-bibir yang dibersihkan. Arang batu tersebut sangat besar, ia lebih tinggi daripada saya, dan ia adalah kira-kira 6 kaki tinggi. Ia sedang terbakar dengan api dan ia adalah sangat berkuasa. Saya boleh rasai kesucian arang batu tersebut kerana Kehadiran Tuhan datang darinya. Saya takut dengannya, tetapi tertarik kepadanya.

Saya kemudian berkata kepada Tuhan, "Bukan saja bibir-bibir saya, tetapi kaki-kaki saya, tangan-tangan saya, hati saya, minda saya, dan setiap bahagian kewujudan saya."

Selepas saya mengatakan ini kepadaNya, saya sangat terasa yang saya mahu jatuh ke atas arang batu tersebut. Jadi, saya condong ke depan dan jatuh dengan muka saya menghadap ke dalam arang batu terbakar. Saya boleh rasa arang batu tersebut terbakar ke dalam saya. Saya boleh mendengar daging saya terbakar dan berdesir sambil ia mencair pada arang batu. Saya boleh mendengar bunyi daging saya sedang dibinasakan sambil ia terbakar habis di atas arang batu. Saya sedang

berdiri di tepi di dalam visi tersebut, memerhatikan diri saya, sambil saya melakukan ini.

Saya boleh melihat daging di atas tubuh saya berbuih-buih dan bertukar ke dalam satu gumpalan yang mencair sambil ia merosot dalam api-api yang membakar di atas arang batu. Saya memerhatikan sambil tubuh saya perlahan-lahan hilang sambil api-api membakarnya sehingga tidak ada apa-apa lagi yang tinggal. Kemudian saya sudah tiada. Saya melihat dan tiada yang tinggal. Saya tidak tahu apa yang hendak difikir, tetapi merasakan bahawa ia adalah sangat penting untuk melakukan ini, dan yang Tuhan gembira yang saya ada berbuat demikian.

Sambil saya memerhatikan, saya berfikir kepada diri saya sendiri, *“Apa akan terjadi kepada saya sekarang apabila saya sudah tiada?”*

Tuhan kemudian berdiri di tepi saya, dan mula bercakap. Dia berfirman, ***“Kamu nampak apa yang pada masa ini daging hidup kamu yang masih tinggal yang belum diberikan kepada Saya untuk dibakar habis. Saya mahu kamu melihat bahawa saya menunaikan doa kamu, dan tahu yang kamu adalah ikhlas. Kamu minta untuk dibersihkan supaya kamu boleh sepenuhnya mengucapkan Firman Saya dalam Kebenaran. Saya menjawab permintaan itu.”***

***“Apa yang kamu alami adalah kematian terakhir daging kamu dan baki hidup diri sendiri kamu yang masih ada, dan yang belum lagi diserahkan kepada Saya. Sambil kamu menyandar ke dalam Saya dan meninggalkan diri kamu ke dalam jagaan Saya, selepas itulah kamu sepenuhnya melepaskan, dan membenarkan Saya menjadi segala-galanya, dan saya sekarang dapat membawa kamu ke peringkat akhir haluan kamu. Kamu telah menyerahkan diri kepada Saya, di dalam banyak bahagian dan tahap, dan kamu telah berjalan dengan Saya, dan kamu telah lebih menghampiri sukatan yang penuh yang Saya inginkan kamu berjalan di dalam. Sudah tiba masanya yang kamu memahami lebih banyak apa Saya akan lakukan.”***

***“Alangkah Saya ingini yang semua Milik Saya datang kepada Saya dan sepenuhnya dibersihkan (ditulenkan). Saya inginkan Kebenaran di dalam bahagian-bahagian dalam, dan Saya inginkan Kebenaran juga keluar dari dalam Milik Saya. Tetapi bukan semua memperkatakan Kebenaran, kerana mereka benar-benar tidak mahu mati sepenuhnya kepada diri dan sifat semulajadi daging mereka. Pun tidak mereka mahu meninggalkan hidup-hidup mereka sepenuhnya kepada Jagaan Saya. Tetapi semua yang datang kepada Saya, dan yang ikhlas, akan saya hormati dan jawab.”***

***“Kamu memerhatikan sambil baki sifat semulajadi daging kamu disingkirkan dan sepenuhnya dibinasakan. Tiada Perubahan Penuh yang sebenar yang datang dari dalam, kecuali Api Kesucian Saya sepenuhnya dipeluk dan dibenarkan kerja sepenuhnya di dalam kamu. Saya sudah membawa kamu ke dalam tempat Kerja-Kerja Saya Yang Akhir.”***

***“Arang Batu Hidup yang kamu nampak dari Mazbah Saya adalah untuk semua manusia memeluk dengan sepenuhnya. Semua yang memanggil Saya, dan yang benar-benar ingin akur sepenuhnya kepada Imej Saya, haruslah jatuh di atasnya dan sepenuhnya mati. Kecuali Saya menjadi kemuhsinan kamu, kalau begitu kamu belum mati sepenuhnya. Banyak kerja belum lagi diselesaikan tetapi semua akan keluar, sambil kamu teruskan berjalan bersama Saya.”***

***“Saya menjelaskan Kebenaran ini kepada kamu dalam cara ini, kerana banyak yang fikir yang mereka boleh datang kepada Saya, dan berjalan bersama Saya, dan belum lagi mengorbankan nyawa-nyawa mereka untuk Saya. Mereka mahukan jalan mereka sendiri, dan fikir yang Saya akan membenarkan mereka kekal begitu saja. Kebenaran Saya akan menghakimi semua dosa, semua daging, semua kematian dan semua kegelapan. Tidak ada apa-apa yang Milik Saya boleh tinggal di dalam kegelapan, tetapi haruslah sepenuhnya diterangi di dalam oleh Cahaya Saya dan diubah di dalam Kesucian Saya, dan menjadi seperti Saya Adalah. Oleh kerana Saya adalah suci.”***

***“Kamu juga sedang melihat Batu-Batu Hidup Saya. Sambil setiap Milik Saya datang kepada Saya, dan memilih untuk jatuh di atas Arang Batu Saya dan dibersihkan, lepas itu mereka boleh sepenuhnya diubah (“transformed”) menjadi Batu-Batu Hidup Saya. Oleh kerana Batu-Batu Permata Saya keluar dari Kubur Arang Batu Berapi dan mereka kemudian boleh sepenuhnya dipotong kepada segi-segi (“faceted”) bahkan seperti Saya dipotong kepada segi-segi (“faceted”). Saya sepenuhnya membayangkan Bapa Saya, dan begitu juga kamu, bahkan lebih banyak lagi. Kerja pemotongan (“faceting”) yang akhir sudah siap, dan sekarang Bapa Saya akan lebih banyak lagi diperlihatkan dengan jelas melalui kamu, kerana kamu sudah keluar dari Arang Batu tersebut, dan boleh membayangkanNya seperti satu Batu Hidup, yang sesuai untuk Kerja-KerjaNya.”***

***“Bapa Saya inginkan RumahNya dipenuhi. Dia inginkan yang semua akan masuk ke dalam, dan mengambil bahagian daripadanya. Banyak sudah mendengar panggilan tersebut, tetapi tidak banyak yang sudah bayar harga tersebut itu ditemui di dalamNya. Dia sekarang bekerja untuk mendirikan RumahNya, dan ia akan menjadi hebat! Batu-Batu HidupNya akan menjadi bersinar-sinar dan akan mempamerkan KemuliaanNya apabila Dia bersinar melalui mereka. Saya akan juga dimuliakan melalui kamu, semasa kamu terus mengikuti Saya, dan apabila kamu membenarkan kerja-kerja yang lebih besar diperlihatkan melalui kepatuhan kamu. Manusia belum lagi nampak semua kerja Bapa Saya yang belum disiapkan lagi, kerana mereka hanya membaca dan memahami satu bahagian apa yang tertulis di dalam Firman, di mana Kami dedahkan kepada manusia. Tetapi dunia akan melihat bahkan lebih besar daripada ini, kerana Dia datang untuk sepenuhnya diperlihatkan melalui Batu-Batu HidupNya.”***

***“Sudah tiba masa untuk Batu-Batu Hidup di dalam Rumah Bapa Saya bersinar dengan Api-Api Kemuliaan. Kamu sudah mengetahui ini, dan sudah berkongsi Firman-FirmanNya dengan banyak orang dan Milik Saya. Banyak sudah dilaksanakan melalui ini, tetapi bahkan lebih banyak akan sekarang datang. Sudah tiba masa untuk demonstrasi akhir Kerja-Kerja Bapa bergerak di seluruh Tubuh, dan untuk seluruh “Rumah Hidup” Bapa bergerak sebagai satu Wadah, dalam bumi. Setiap batu diletakkan di tempat mereka. Segala-galanya sekarang bersedia.”***

***“Manusia hanya melihat kulit luar hidup duniawi ini dan berfikir mereka boleh meneruskan sebagaimana mereka hendaki, dan bahkan hari ini mereka mengatakan semua adalah dalam keadaan yang baik, tetapi tidak nampak yang mereka berdiri di pinggir neraka. Ia tidak akan menjadi jalan ini lagi, kerana semua perkara yang tidak didapati di dalam Saya akan pastinya jatuh. Mereka yang jatuh di atas Saya, akan Saya peluk. Tetapi mereka yang menafikan Saya, akan Saya tolak di depan muka Bapa. Hidup Saya diberikan supaya manusia akan dibebaskan, tetapi bahkan di kalangan Milik Saya, banyak masih mahu dilihat.”***

***“Ini juga tidak akan kekal, lihatlah, Arang Batu- Arang Batu Hidup turun, dan akan diberikan kepada mereka yang akan jatuh dan yang akan dicubai dan dituliskan/dibersihkan. Perhatikan sambil angin-angin datang seperti Saya sudah memberitahu kamu, dan ketika Saya sekarang meniup di atas Arang Batu-Arang Batu, Perubahan (Transformasi) menyemarak menjadi Nyalaan Api Sepenuhnya.”***

- Susan Cummings

26 hb Mac 2007

1:30 p.m.

[www.DivineRevelations.info/indonesia](http://www.DivineRevelations.info/indonesia)